

DR. M BIMBANG YANG KALAH ENGGAN KHIDMAT UNTUK PARTI

011 26 MAY 1984

KUALA LUMPUR 25 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kebimbangannya, "hanya calon-calon yang menang pemilihan sahaja akan terus berkhidmat untuk parti manakala yang kalah tidak." Beliau juga bimbang sekiranya kepahitan yang wujud sepanjang kempen untuk pemilihan parti itu berterusan sehingga menjejaskan masa depan UMNO.

Bercakap kepada para pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung ke-35 UMNO Malaysia di Hotel Hilton, Presiden yang menandatangani bertanding itu menegaskan bahawa pemimpin-pemimpin hendaklah berdedikasi tanpa mengira mereka menang atau kalah dalam pemilihan. Beliau mengulangi kenyataannya bahawa calon-calon yang kalah dalam pemilihan UMNO masih mempunyai tempat dalam parti dan masih boleh berkhidmat untuk parti.

Seorang pemberita telah bertanya bagaimana seseorang pemimpin itu dapat berkhidmat untuk

parti sedangkan ia tidak mempunyai kerusi dalam Majlis Tertinggi.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab: "Ia masih boleh berkhidmat untuk UMNO seperti yang telah saya katakan dahulu, tidak mengadu jika seseorang calon itu kalah atau tidak mendapat na-pa-ganjaran. Yang penting ialah ia hendaklah berdedikasi terhadap parti.

"Tentu sekali dalam pemilihan adalah orang yang kalah sedikit dan ada orang lain yang menang sedikit. Tetapi sekiranya hanya orang yang menang sahaja akan berkhidmat untuk parti dan yang kalah tidak, inilah keadaan yang kita takut dalam UMNO."

Sebab itulah, juga tegas beliau yang dikerumuni oleh lebih 10 pemberita yang masing-masing menghulurkan prakam kaset, ahli-ahli UMNO haruslah mengutamakan parti dan membelakangkan kepentingan diri. "Sekiranya mereka mengutamakan UMNO, mereka harus terus berkhidmat untuk parti

meskipun kalah dalam pemilihan," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengulangi bahawa yang menang tidak akan mendapat semua dan yang kalah tidak kalah semua. "Yang menang akan menang sedikit dan yang kalah sedikit, tetapi bukan semua yang akan dimenangi oleh sesiapa," tambahnya.

Ditanya tentang cara untuk memperbaiki keadaan di mana kepentingan diri diutamakan daripada kepentingan parti, Perdana Menteri berharap keadaan seperti itu akan berubah. Di samping itu, tambah beliau, ahli-ahli UMNO hendaklah membendung kecenderungan mengutamakan kepentingan diri sendiri dan kalau boleh, membendungnya selama-lamanya. Sebelum pemberita bertanya lebih lanjut lagi. Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam yang sudah lama berdiri di belakang para pemberita untuk mendengar temubual itu telah menyampuk untuk mengajak Datuk Sri Dr. Mahathir ke dalam Dewan Nirwana kerana persidangan dimulakan.

Kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang penting sekarang ialah bagi Bumiputera bekerja kuat menambah penyertaan mereka dalam sektor moden ekonomi negara.

Untuk tujuan ini, tambahnya, Bumiputera harus me-

Katanya, kerajaan akan menentang habis-habisan sesiapa saja yang cuba menggagalkan Amanah Saham Nasional (ASN) kerana ia dianggap perbuatan cuba mengkhianati usaha pemeliharaan dan pembangunan orang Islam di negara ini.

tindakan yang diambil bagi menolong orang Islam yang kini dalam keadaan cemas kerana mereka lemah dalam bidang ekonomi.

Melalui ASN umat Islam dapat menguasai sebahagian daripada ekonomi negara — 30 peratus berasaskan kepada ekonomi moden.

"Jika kita mahu menguasai sehingga sistem Islam menguasai seluruh ekonomi negara ini, kita tidak akan mencapai 30 peratus pada tahun 1990.

"Mungkin kita terpaksa tunggu 100 atau 200 tahun atau lebih. Mungkin pula kerana gagal mendapat 30 peratus dalam, tahun 1990 kita tidak dapat mempengaruhi dengan berkesan ekonomi negara. jauh sekali mengembangkan sistem ekonomi Islam," jelasnya.

Memandangkan kepada kemungkinan inilah ASN dibentuk sebagai alat utama negara.

"Kerana tanggungjawab yang dimainkan oleh badan-badan seperti ASN, Pemas, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lainlah yang kita hari ini menguasai 18 peratus daripada ekonomi negara.

Lumpuh

"Jika badan-badan ini diharamkan maka kita tidak mungkin mendapat satu peratuspun dari eko-

nomi moden tentulah ada unsur-unsur yang mungkin bertentangan dengan ajaran Islam. yang telah dicampuradukkan dengan cara-cara serta kegiatan yang boleh diterima oleh Islam.

"Kadangkala kita dapat mengasingkan apa yang bertentangan dengan Islam daripada apa yang diizinkan.

"Tetapi, kerap kali pengasingan ini tidak dapat dibuat, terutama jika kita sengaja mencari unsur-unsur yang tidak secocok dengan Islam.

"Demikianlah pencemaran yang berlaku sehingga kita tidak mungkin mengamalkan apa-apa ibadat tanpa terabit secara tidak langsung sekurang-kurangnya dengan soal haram-halal.

"Kain yang kita pakai waktu sambutan, kapal atau kapal terbang yang kita guna untuk ibadat haji, kurma yang kita makan di bulan puasa, bahkan fitrah yang kita bayarkan sedikit sebanyak terabit dengan sistem bank perdagangan.

"Cuma mengucap dua kalimah syahadat sahaja yang mungkin tidak membatikan bank dan lain-lain perniagaan yang diragui oleh mereka yang ingin dikenali sebagai 'Islam tulen' yang kononnya tidak pernah tercemar keislaman mereka," katanya.